

Suksis USIM jayakan khidmat masyarakat di Kuala Muda

SEREMBAN 16 Sept. - Seramai 43 Pegawai Inspektor Sukarelawan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif menjalankan program khidmat masyarakat di Kuala Muda, Kedah, baru-baru ini.

Program yang dijalankan bersama pelajar Sekolah Menengah Akademi Hj. Abdullah Suboh itu bertujuan bagi berkongsi ilmu dan pengalaman mereka berkaitan akademik dan alam universiti.

Menurut Pengarah program, Mohd Firdaus Idris yang juga penuntut jurusan Pengurusan Dakwah USIM, program tersebut juga merupakan salah satu bentuk latihan berterusan dan penerapan kemahiran insaniah khususnya kepada penuntut USIM.

"Kita turut mendapat kerjasama

ma Balai Polis Kuala Muda dan pelbagai aktiviti telah melibatkan 31 pelajar tingkatan empat sekolah berkenaan di sekitar Merdeka Beach Resort Kuala Muda.

"Aktiviti serta pengisian program yang dijalankan bertemakan Pendidikan Islam dan patriotik bersesuaian dengan sambutan bulan kemerdekaan," katanya.

Jelasnya, antara slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dibuat adalah *Islam dan Sekular; Zero to Hundreds, Hundreds to Zero*; promosi program akademik di USIM; dan tayangan video.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merangkap Koman-dan Suksis USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah serta wakil dari Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda.



DR. Mohamed Asin Dollah (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Pegawai Inspektor Suksis Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Kuala Muda, Kedah, baru-baru ini.